

28/07/2001

Koperasi yakin PM restu 'Che Det Walk'

Hassan Omar

ALOR STAR, Jumaat - Koperasi Pekan Rabu Alor Star Bhd yakin Perdana Menteri akan merestui nama timangan beliau diabadikan pada Kompleks Pekan Rabu (Pekan Rabu), di sini untuk dikenali sebagai 'Che Det Mall - Pekan Rabu' manakala kawasan persekitarannya dikenali sebagai 'Che Det Walk.'

Sehubungan itu, koperasi berkenaan berjanji berusaha mempertingkatkan tahap perniagaan masing-masing bagi memastikan ia sesuai dengan penggunaan nama timangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu.

Pengerusinya, Azmi Shahab berkata, keyakinan itu berdasarkan hubungan akrab Dr Mahathir dengan Pekan Rabu, berikutan pengalaman Dr Mahathir yang pernah berniaga di kompleks terbabit, kira-kira 50 tahun lalu.

"Kami yakin Dr Mahathir akan membenarkan nama Che Det digunakan apabila kerja mengubah suai kawasan persekitaran Pekan Rabu siap sepenuhnya enam bulan lagi.

"Dr Mahathir berkata nama Che Det boleh digunakan jika peniaga mampu meningkatkan tahap perniagaan.

"Ketika Perdana Menteri melawat kerja mengubah suai persekitaran Pekan Rabu semalam, beliau berkata, kami mesti serius dalam apa yang kami buat.

"Kami tidak melihat apa-apa halangan menggunakan nama baru itu walaupun pada peringkat awal kami tidak mendapatkan persetujuan Dr Mahathir," katanya, ketika dihubungi, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas ucapan Dr Mahathir ketika merasmikan mesyuarat agung ke-38 koperasi itu semalam yang antara lain menyebut beliau tidak pasti penggunaan nama baru itu sebagai idea yang baik.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak gemar bangunan atau kawasan tertentu dinamakan dengan nama beliau ketika beliau masih hidup.

Perdana Menteri berkata, lebih penting ialah peniaga di Pekan Rabu mencapai tahap perniagaan yang lebih tinggi melalui kaedah pengawalan kewangan yang lebih baik.

Projek pengubahsuaian persekitaran Pekan Rabu untuk dijadikan sebagai 'Che Det Mall' dan 'Che Det Walk,' membabitkan kos kira-kira RM13 juta.

Antara lain, projek itu mengandungi fasa pembinaan laluan pejalan kaki yang menghubungkan Jalan Tunku Ibrahim dengan Jalan Langgar bagi menghubungkan kompleks itu dengan Arked Empire.

Selain mengubah suai persekitaran kompleks, bangunan lima tingkat yang kini menempatkan pejabat Mara negeri akan diubah suai menjadi hotel kos sederhana.

Fasa terakhir projek berkenaan ialah pembinaan Dataran Sungai Raja antara Kompleks Pekan Rabu dengan Menara Sentosa.

Pekan Rabu yang menempatkan 240 lot kedai di Jalan Tunku Ibrahim, di sini adalah kompleks perniagaan tunggal milik Bumiputera di negeri ini.

Bangunan dua tingkat itu menempatkan pelbagai barangan seperti kain, baju Melayu, songkok, kuih tradisional, buah-buahan, ikan kering, kraftangan, kitab dan buku agama, ubatan tradisional, kelengkapan menunaikan haji, emas, kosmetik serta barangan dapur.

Pekan Rabu dirasmikan Dr Mahathir pada 25 Februari 1978 ketika beliau memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri.

(END)